

# Events ... (Conferences, Meetings, Trainings & Workshops)

## Kejohanan Tenpin Boling Antara Bahagian Piala Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang 2021 oleh Melati Desa

*Burung undan burung tempua  
Hinggap berehat di pohon kayu  
Boling dan sukan untuk semua  
Staf sihat APB maju*

Kejohanan Tenpin Boling Antara Bahagian Piala Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang merupakan sebuah acara tahunan institusi berkenaan. Walaupun dalam surat kebenaran dan jemputan temasya tersebut menyatakan bahawa antara tujuan program dijalankan adalah untuk mencungkil bakat baru dalam acara boling, ianya bukanlah satu kemestian untuk para peserta APB. Kami ketepikan tujuan tersebut, sebaliknya memberi fokus kepada beberapa tujuan lain seperti untuk membentuk minda dan tubuh badan yang sihat, untuk membina semangat ukwah yang kukuh, untuk menjalinkan silaturrahim antara bahagian dan fakulti di institusi, untuk mewujudkan suasana ceria, sebagai riadah rohani dan jasmani setelah melaksanakan tugas hakiki dalam pengajaran dan pembelajaran sepanjang semester, dan banyak lagi faedah yang dapat dikutip dalam menyertai pertandingan acara boling tahunan ini. Pada tahun ini tarikh 28 Desember 2021 (Selasa) sebagai salah satu hari dalam cuti semester ditetapkan sebagai hari kejohanan, ini bermaksud tarikh tersebut bertindan dengan cuti tahunan sekolah. Hal ini menyebabkan sambutan peserta tidak begitu menggalakkan dalam kalangan staf APB. Kekangan tertentu atau lebih tepat lagi, keutamaan harus diberikan kepada keluarga, maka tarikh cuti semester dan cuti sekolah dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pemain boling APB. Menyedari akan tarikh cuti berganda tersebut, pihak penganjur telah menggabungkan fakulti dan bahagian dalam usaha untuk melengkapkan pencarian peserta. Seperti tahun-tahun sebelumnya, ACIS digabungkan dengan APB. Saya, selaku ketua kumpulan trio wanita APB dapat mengumpul 2 orang peserta lain dan senarai kumpulan kami adalah seperti berikut:

Melati Desa - APB

Rosmawati Abu Bakar PTFT bahasa Jepun – APB

Masliyana Ismail – ACIS



Scara keseluruhannya, seramai 126 orang peserta mengambil bahagian yang mana para peserta dibahagikan kepada 42 kumpulan, 24 kumpulan lelaki dan 18 kumpulan wanita. Setiap kumpulan pula terdiri daripada 3 orang peserta. Para peserta ini pula diasingkan kepada trio lelaki dan wanita

Trio wanita APB berjaya menduduki tempat ketiga. Walaupun jatuh pin tidaklah begitu gah, hadiah yang merupakan sebuah hamper dan piala berjaya dibawa pulang oleh ketiga-tiga peserta kumpulan. Saya sendiri walaupun kurang berjaya untuk menghasilkan skor terbaik namun di saat akhir dapat menjatuhkan pin “strike” tiga kali berturut-turut dan menerima ganjaran yang disediakan penganjur. Penganjur menyediakan 10 hadiah untuk kategori tersebut dan hanya 9 orang peserta berjaya mendapatkannya, saya adalah individu yang ke 9. Sekian laporan kejohanan peringkat APB, bertemu lagi dalam temasya boling tahunan berikutnya.

*Memancing ikan dapatnya udang  
Puyuh berlari serapat pinang  
Seiring bersukan acara tahunan  
Ayu APB sepakat menang!!*



Universiti Teknologi MARA

PSKK UiTM

KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA REKTOR

Antara Bahagian

SELASA • 28 DISEMBER 2021 • 2.30 PETANG

PENDAFTARAN :

Yuran Penyertaan : RM120.00 / Pasukan

Acara : Trio ( 3 orang )

Megamall Bowling Centre

SCAN ME

Makluman lanjut, hubungi :

Mohd Saiful Effendy Mohd Shukeri (013-5064123)

Muhamad Farid Hj. Shuib (019-2878774)

ANJURAN :

PERSATUAN SUKAN & KEBAJIKAN KAKITANCAK (PSKK)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN  
24.12.21